

VOKAL

APA ITU VOKAL?

PENGERTIAN VOKAL:

- Vokal ialah bunyi–bunyi bersuara, dan apabila membunyikannya udara daripada paru–paru keluar melalui rongga mulut tanpa sekatan dan gangguan.
- Bunyi–bunyi vokal mempunyai ciri–ciri kelantangan dan kepanjangan. Ini bererti bunyi–bunyi vokal boleh kita dengar dengan jelas. Ia lebih panjang daripada bunyi konsonan.

Charles F Hockett menyatakan bahawa *vokal sebagai bunyi-bunyi bahasa yang tidak dicirikan oleh sebarang gangguan pada arus udara.*

Berdasarkan pentakrifan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa vokal merupakan bunyi-bunyi bahasa yang keluar daripada paru-paru melalui pita suara yang digetarkan. Penggetaran pita suara itu tidak menghalang arus udara yang keluar melalui rongga mulut. Bunyi bersuara yang dihasilkan adalah lantang dan lebih jelas daripada bunyi konsonan. Dengan ini, peranan pita suara, bibir atas dan bawah, lidah, rongga kerongkong dan rongga mulut mencirikan sesuatu bunyi vokal dengan frekuensi yang tertentu.

ANTARA KRITERIA YANG MENENTUKAN BUNYI VOKAL IALAH:

BAHAGIAN LIDAH IAITU LIDAH HADAPAN,
TENGAH LIDAH, DAN BELAKANG LIDAH

KETINGGIAN LIDAH DINAIKKAN

KEDUDUKAN BIBIR SAMA ADA BUNDAR ATAU
HAMPAR

LUASNYA BUKAAN RAHANG

JENIS-JENIS VOKAL

3

JENIS
VOKAL

1. Vokal hadapan


2. Vokal tengah

3. Vokal belakang

Jenis vokal	Lambang	Nama vokal
Vokal hadapan	[i] [e] [ε] [a]	Vokal hadapan sempit Vokal hadapan baru sempit Vokal hadapan separuh luas Vokal hadapan luas
Vokal tengah	[ə] [ɜ]	Vokal tengah pendek Vokal tengah panjang
Vokal belakang	[u] [o] [ɔ]	Vokal belakang sempit Vokal belakang separuh sempit Vokal belakang separuh luas

Bagi vokal [ɜ , ε] dan [ɔ] , tidak ada huruf yang khusus dalam sistem tulisan. Huruf yang digunakan untuk melambangkan vokal ini ialah 'e' dan vokal [ɔ] ialah huruf 'c'. Vokal ini hanya wujud dalam dialek-dialek daerah.

Kedudukan vokal dalam bahasa Melayu boleh dilihat dalam gambar rajah di bawah:



Kedudukan vokal bahasa melayu

Cara-cara menghasilkan bunyi-bunyi vokal

Cara-cara menghasilkan bunyi-bunyi vokal

a. Vokal hadapan sempit [i]

- *Hadapan lidah dinaikkan tinggi tanpa menyentuh lelangit keras.*
- *Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak dan menutup arus udara dari paru-paru ke rongga hidung.*
- *Pita suara dapat dirapatkan supaya udara yang keluar dapat menggetarkan selaput suara.*
- *Keadaan bibir hampar.*
- *Bunyi yang dihasilkan ialah vokal sempit [i] seperti yang terdapat dalam perkataan yang berikut:*

di hadapan

ikan [ikan]

itik [itik]

di tengah


tipu [tipu]

pita [pita]

di belakang

topi [topi]

padi [padi]



Rajah 2.9 Kedudukan alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal hadapan sempit [i]

b. Vokal hadapan separuh sempit [e]

- **Hadapan lidah dinaikkan tanpa menyentuh lelangit keras tetapi lebih rendah daripada bunyi vokal hadapan sempit [i]**
- **Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara ke rongga hidung.**
- **Pita suara dirapatkan supaya udara yang keluar dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara.**
- **Keadaan bibir hampar.**
- **Bunyi yang dihasilkan ialah vokal hadapan separuh sempit [e] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:**

di hadapan

di tengah

di belakang


ekor [ekor]

kekok [keko]

kole [kole]

elok [elo]

merah [merah]



Rajah 2.10 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal hadapan separuh sempit [e]

Vokal hadapan separuh luas [ɛ]

- Hadapan lidah dinaikkan ke langit keras, tidak menyentuh langit keras, tetapi lebih rendah daripada bunyi vokal hadapan separuh sempit [e].
- Hujung lidah tercecah pada gusi dan gigi sebelah bawah.
- Langit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga tekak ke rongga hidung.
- Bibir dihamparkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal hadapan separuh luas [ɛ] seperti yang terdapat dalam perkataan-perkataan yang berikut

di hadapan

di tengah

di belakang

enak [ε]


belok [bεlɔ ?]

lodeh [lodε]

esok [εso ?]

katil [katɛl]

tempe [tempε]



Rajah 2.11 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal separuh luas [ɛ]

Vokal hadapan luas [a]

- Hadapan lidah dinaikkan sedikit ke arah langit keras.
- Anak tekak dan langit lembut menutup rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan supaya arus udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput udara.
- Bibir dihamparkan.
- bunyi yang dihasilkan ialah vokal hadapan luas [a] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

Di hadapan

Adik [ʔ]

Aku [aku]

di tengah


mata [mata]

batik [bateʔ]

di belakang

saga [saga]

Bola [bola]



Rajah 2.12 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal hadapan luas [a]

Vokal belakang sempit [u]

- Belakang lidah dinaikkan ke arah lelangit lembut untuk menyempitkan rongga mulut tetapi tidak mencecah lelangit lembut.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak supaya udara dan paru-paru dapat menggetarkan selaput suara.
- Pita suara dirapatkan supaya udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput udara.
- Bibir dibundarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah vokal belakang sempit [u] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut ;

Di hadapan

ubat [ubat]

unta [unta]

di tengah


sudu [sudu]

budu [budu]

di belakang

pintu [pintu]

batu [batu]



Rajah 2.13 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal belakang sempit [u]

Vokal belakang separuh sempit [o]

- Belakang lidah dinaikkan separuh sempit ke lelangit keras.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak untuk menyekat udara ke rongga hidung.
- Pita suaradirapatkan supaya arus udara dapt menggetarkan selaput suara.
- Bibir dibundarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah vokal separuh sempit [o] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

di hadapan

di tengah

di belakang

otot [ot?t]


tolak [tola?]

koko [koko]

otak [ota?]

kekok [kəko?]

pidato [pidato]



Rajah 2.14 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal belakang separuh sempit [o]

Vokal belakang separuh luas [ɔ]

- Belakang lidah dinaikkan separuh luas ke arah lelangit lembut.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan untuk menyekat arus udara ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan supaya arus udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara.
- Bibir dibundakan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah vokal belakang separuh luas [ɔ] seperti dalam perkataan yang berikut :

Dihadapan

Orang [ɔ rang]

Oleh [ɔ leh]

ditengah


golok [gɔ lɔʔ]

bolot [bɔ lɔ t]

dibelakang

teko [tʃ kɔ]

soto [sɔ tɔ]



Rajah 2.15 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ]

Vokal tengah pendek [ə]

- Bahagian tengah lidah dinaikkan ke arah pertemuan antara lelangit keras dan lelangit lembut.
- Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak untuk menyekat arus udara ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan supaya arus udara yang keluar dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara.
- Bibir dibundarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah vokal tengah pendek [ə] seperti dalam perkataan-perkataan berikut :

Di hadapan

di tengah

di belakang

Empat [ə mpat]


pekak [p ə ka?]

-

Emak [ə ma?]

temat [t ə nat]

-



Rajah 2.16 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal tengah pendek [ə]

Vokal tengah panjang [ɜ]

- Tengah lidah dinaikkan lebih tinggi dari keadaan semasa menghasilkan vokal separuh sempit.
- Lelangit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat udara ke rongga hidung.
- Pita suara dirapatkan supaya arus udara dari paru-paru dapat menggetarkan selaput suara.
- Bibir dibundarkan.
- Bunyi yang dihasilkan ialah vokal tengah panjang [ɜ] seperti dalam perkataan-perkataan yang berikut:

di hadapan

di tengah

di belakang

-


-

daya [dajɜ]

-

-

usaha [usahɜ]



Rajah 2.17 Kedudukan alat-alat artikulasi semasa menghasilkan bunyi vokal tengah panjang [ɜ]